

## **FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ) BERHUBUNG PELAKSANAAN**

### **A. KUTIPAN CAJ JALAN (RC)**

- 1) Berapakah nilai kutipan Caj Jalan yang akan dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada kenderaan persendirian pendaftaran asing?**

*Semua kenderaan pendaftaran asing (kenderaan persendirian/kenderaan syarikat persendirian) yang memasuki Malaysia perlu membayar Caj Jalan sebanyak RM20.*

**How much Road Charges to be imposed by the Road Transport Department (JPJ) to private foreign registered vehicle?**

*All foreign registered vehicle (private registered/private organisation) entering Malaysia will be required to pay Road Charge of RM20 per entry.*

- 2) Jenis Kenderaan bagaimanakah yang akan terlibat dengan kutipan Caj Jalan?**

*Hanya kenderaan pendaftaran asing (kenderaan persendirian/kenderaan syarikat persendirian) sahaja yang akan dikenakan Caj Jalan buat masa ini.*

**What type of vehicles are subjected to road charges?**

*Only foreign private owned (vehicles owned by individuals, companies or organizations for private usage) vehicle is subjected to Road Charge.*

- 3) Apakah jenis kenderaan yang dikecualikan dari dikenakan Caj Jalan?**

*Kenderaan-kenderaan pendaftaran asing yang dikecualikan daripada Caj Jalan ialah:*

- a. *Milik mana-mana Kerajaan bagi urusan rasmi dan kenderaan diplomat.*
- b. *kenderaan barang, kenderaan perkhidmatan awam dan motosikal.*

**What types of vehicles are exempted from Road Charge?**

*Vehicles that are exempted from Road Charge are :*

- a. *Any goverment owned vehicle on official duty and embassy vehicles.*
- b. *Commercial vehicles and motorcycles.*

**4) Apakah kaedah pembayaran Caj Jalan?**

*Pembayaran Caj Jalan dibuat melalui penggunaan sistem kad Touch 'n Go atau menggunakan aplikasi e-Wallet Touch 'n Go. Pengguna perlu memuat turun aplikasi tersebut semasa mendapatkan tag RFID VEP.*

**How do you pay Road Charge?**

*You can use the Touch N' Go card to pay road charge or with your Touch n' Go ewallet app, which you have installed when you collect your VEP RFID tag*

**5) Adakah Caj Jalan dikenakan berdasarkan jumlah hari sesebuah kenderaan berada di Malaysia atau jarak perjalanan?**

*Caj Jalan hanya dikenakan setiap kali kemasukan ke Malaysia.*

**What is the Road Charge rate based on (upon distance, number of days etc.)?**

*Road charge is based on per entry.*

**6) Adakah Caj Jalan akan dikecualikan pada hari-hari tertentu?**

*Pelaksanaan Caj Jalan dikenakan setiap kali kemasukan ke Malaysia melainkan telah dinyatakan atau diisyiharkan sebaliknya oleh kerajaan Malaysia.*

**Will the Road Charge be waived on certain days ?**

*The road charge is imposed on a daily basis upon each entry to Malaysia unless stated or declared by the Goverment of Malaysia.*

**7) Adakah kenderaan pendaftaran asing lain selain dari Singapura akan dikenakan Caj Jalan?**

*Semua kenderaan pendaftaran asing (kenderaan persendirian/kenderaan syarikat persendirian) yang memasuki Malaysia perlu membayar Caj Jalan sebanyak RM20.*

**Other than Singapore registered vehicles, does any other foreign registered vehicles be imposed with Road charge?**

*All foreign vehicles (vehicles owned by individuals, companies or organizations for private usage) will be charged RM20 when entering Malaysia.*

**8) Dimanakah tambah nilai kad boleh dilakukan?**

*Pemandu kenderaan asing boleh menambah nilai Kad Touch 'n Go di lokasi Touch 'n Go yang tersedia di Malaysia seperti hentian R&R, stesen minyak, kedai serbaguna dan juga di tol-tol yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Sila rujuk laman web <http://www.touchngo.com.my> untuk maklumat lanjut.*

**How to top up/reload the Touch 'n Go card?**

*Touch 'n Go Card can be top up/reloaded at designated Touch 'n Go locations such as R&R, or toll booths, petrol stations, convinience stores & etc. Please refer to <http://www.touchngo.com.my> for further information.*

**9) Bolehkah bayaran Caj Jalan dibuat secara tunai?**

*Tidak. Pembayaran Caj Jalan hanya boleh dilakukan melalui kad Touch 'n Go atau dengan menggunakan aplikasi e-wallet Touch 'n Go. Pengguna perlu memuat turun aplikasi tersebut semasa mendapatkan tag RFID VEP.*

**Can payments be made in cash?**

*Road Charge payment can only be done via the Touch 'n Go card or with your Touch 'n Go ewallet app, which you have installed when you collect your VEP RFID tag.*

- 10) Bolehkah tambah nilai dilakukan menggunakan mata wang asing sekiranya tidak mempunyai matawang Malaysia?**

*Tidak. Perkhidmatan tambah nilai melalui kaunter Touch 'n Go hanya akan menerima mata wang Ringgit Malaysia sahaja.*

**Does automated sales machine or Touch n' Go counter accept foreign currency?**

*No. Only Ringgit Malaysia is accepted at Touch n' Go top up counters.*

- 11) Apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya tidak membuat bayaran Caj Jalan?**

*Pembayaran Caj Jalan adalah mandatori di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Kegagalan membayar Caj Jalan semasa memasuki Malaysia adalah satu kesalahan dan pemandu kenderaan boleh dikenakan penalti di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.*

**What action will be taken when road charge is not paid?**

*Road charge is mandatory under Road Transport Act 1987. Failure to pay Road Charge when entering Malaysia is an offence and the driver of the vehicle can be fined under the Road Transport Act 1987.*

- 12) Adakah pelaksanaan kutipan Caj Jalan ini adalah sebahagian dari kutipan tol?**

*Tidak. Caj Jalan bukan sebahagian daripada bayaran tol. Ia dikawal dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.*

**Is this the road charge collection is part of the toll collection ?**

*No. Road Charge is not a toll fee. It is governed by the Road Transport Act 1987.*

## B. Vehicle Entry Permit (VEP)

### 1. Adakah kenderaan asing perlu mendaftar sebelum memasuki Malaysia?

*Semua kenderaan asing sama ada kenderaan persendirian, komersial, perkhidmatan awam, motosikal atau kenderaan milik kerajaan hendaklah mendaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum memasuki Malaysia. Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui portal rasmi JPJ <https://vep.jpj.gov.my>*

#### **Does Foreign vehicle need to register before entering Malaysia?**

*All categories of vehicles covering private vehicle (both individual and company owned), commercial vehicle and embassy / goverment vehicles that wish to enter Malaysia are required to register online via RTD's official website at <https://vep.jpj.gov.my>*

### 2. Bolehkah saya memasuki Malaysia sekiranya saya belum memperolehi tag RFID VEP saya?

*Boleh. Sila bawa bersama slip pengesahan anda dan kemukakan sekiranya diminta oleh pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).*

#### **Can I enter Malaysia without obtaining my VEP RFID Tag?**

*Yes, you can. Please bring along your confirmation slip and present it to the RTD officer if required.*

### 3. Bagaimakah cara untuk mendaftar VEP?

*Pemilik atau pemandu kenderaan asing sebelum memasuki Malaysia perlu membuat pendaftaran melalui laman web rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) di <https://vep.jpj.gov.my>. (Sila pastikan maklumat yang diisyiharkan lengkap dan teratur bagi mendapatkan slip pengesahan pendaftaran yang akan dijemelkan).*

#### **How to register for VEP?**

*The owner or representative appointed by the owner of foreign registered vehicle entering Malaysia are required to register online via RTD's official website at <https://vep.jpj.gov.my> (Please ensure that all information declared are complete and accurate to obtain your confirmation slip that will be emailed to you)*

**4. Bagaimanakah saya boleh mendapat tag RFID VEP?**

*Tag RFID VEP akan dihantar secara pos ke alamat yang diisyiharkan oleh pemohon. Pihak pemohon akan dihubungi melalui emel untuk pengesahan penghantaran Tag RFID VEP.*

**How can I collect my VEP RFID tag?**

*The VEP RFID tag will be delivered via postage. The applicant will be contacted through email for confirmation on the postage arrangement.*

**5. Berapakah harga tag RFID VEP?**

*RM10 (Tidak termasuk caj penghantaran dan perkhidmatan).*

**How much is the VEP RFID tag?**

*RM10 (excluding delivery and service charges).*

**6. Adakah pendaftaran dan kutipan tag RFID VEP boleh dibuat di kaunter JPJ?**

*Tidak. Buat masa ini pendaftaraan hanya boleh dibuat melalui laman web rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) di <https://vep.jpj.gov.my>*

**Can I register for my VEP RFID tag over at RTD's counter?**

*No. Currently you are required to register online via RTD's official website at <https://vep.jpj.gov.my>.*

**7. Apakah tempoh sah tag RFID VEP?**

*Pemilik kenderaan perlu memperbaharui tag RFID setiap lima (5) tahun bermula dari hari tag RFID VEP diaktifkan.*

**What is the validity period of the VEP RFID Tag?**

*VEP RFID Tag is valid for 5 years only (starting from the day the VEP RFID tag is activated).*

**8. Bagaimanakah saya boleh menyemak sama ada tag RFID VEP telah tamat tempoh?**

*Pemilik kenderaan boleh menyemak tarikh luput Tag RFID VEP melalui portal dalam talian. Portal akan menghantar e-mel peringatan 6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh.*

**How can i check if the VEP RFID tag has expired?**

*The vehicle owner can check the VEP RFID Tag expiry date from the online portal. The portal will send a reminder email 6 months prior to the expiry date.*

**9. Adakah saya perlu mengemas kini butiran pendaftaran kenderaan?**

*Ya. Pemilik kenderaan dikehendaki mengemas kini butiran dan maklumat melalui laman web rasmi JPJ di <https://vep.jpj.gov.my>.*

**Do i need to update the vehicle registration details?**

*Yes. The vehicle owner is required to update all information online via RTD's official website at <https://vep.jpj.gov.my>.*

**10. Bolehkah saya masuk ke malaysia jika cukai jalan atau insurans atau sijil kelayakan (COE) telah tamat tempoh?**

*Tidak. Hanya kenderaan dengan cukai jalan dan insurans yang sah dibenarkan masuk ke Malaysia.*

**Can i still enter malaysia if road tax or insurance or certificate of entitlement (coe) has expired?**

*No. Only vehicles with a valid road tax and insurance are allowed to enter Malaysia.*

- 11. Bolehkah saya memindahkan tag RFID VEP kenderaan saya sebelum ini kepada kenderaan baharu saya? Bolehkah satu tag RFID VEP digunakan untuk lebih daripada satu kenderaan?**

*Tidak. Tag VEP RFID adalah unik untuk setiap kenderaan dan ia tidak boleh dipindah milik.*

*Apabila pemilikan kenderaan dipindahkan kepada entiti lain, kesahihan tag RFID VEP secara automatik terhenti.*

*Jika anda adalah pemilik kenderaan terdahulu (pemindahan), anda bertanggungjawab untuk mengemaskini status pemilikan kenderaan. Kegagalan berbuat demikian, anda akan menanggung risiko didenda atas sebarang kesalahan yang mungkin dilakukan oleh pemilik baharu.*

*Jika anda pemilik baharu kenderaan (penerima pindahan), anda bertanggungjawab untuk memohon tag RFID VEP baharu dan memastikan pemilik terdahulu telah mengemas kini status pemilikan kenderaan.*

**Can I transfer the VEP RFID tag of my previous vehicle to my new vehicle? Can one VEP RFID tag be used for more than one vehicle?**

*No. The VEP RFID Tag is unique for each vehicle and it is not transferrable.*

*When the ownership of a vehicle is transferred to another entity, the validity of the VEP RFID tag automatically ceases.*

*If you are the previous owner of the vehicle (transferor), you are responsible to update the vehicle ownership status. Failure to do so, you shall bear the risk of being fined for any offence possibly committed by the new owner.*

*If you are the new owner of the vehicle (transferee), you are responsible to apply for a new VEP RFID Tag and ensure that the previous owner has updated the vehicle ownership status.*

**12. Apa yang perlu dilakukan jika tag RFID VEP dicuri/hilang/ rosak akibat kemalangan?**

*Sekiranya Tag RFID VEP dicuri/hilang/rosak akibat kemalangan, anda dikehendaki mengemaskini status kenderaan anda di portal dalam talian. Anda juga dikehendaki untuk mengemukakan laporan polis kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) apabila hendak mendapatkan Tag RFID VEP baharu. Bayaran pemprosesan akan dikenakan.*

**What to do if the VEP RFID tag is stolen / lost / damaged from accident?**

*If the VEP RFID Tag is stolen / lost / damaged from accident, you are required to update your vehicle status from the online portal register. You are also required to produce police report to the Road Transport Department (RTD) when you collect the new VEP RFID tag. An administration fee will be imposed.*

**13. Apa yang perlu dilakukan jika tag RFID VEP rosak?**

*Anda akan mengetahui tag RFID VEP rosak apabila ia tidak dapat dikesan oleh pembaca RFID di kompleks CIQ dan ia disahkan oleh pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Walau bagaimanapun, polisi penggantian tidak terpakai pada tag RFID VEP yang telah ditanggalkan atau diusik. Oleh itu, anda akan dikenakan bayaran bagi pengeluaran tag RFID VEP yang baharu.*

**What to do if the VEP RFID tag is faulty?**

*You will know your VEP RFID tag is faulty when it cannot be detected by the RFID reader at the CIQ complexes and it is confirmed by the RTD personnel. However, the replacement policy does not apply to tag that has been removed or tampered. In this case, you will be charged with a fee for reissuance of a new VEP RFID tag.*

**14. Apakah yang akan berlaku jika saya tidak mendaftar untuk VEP?**

*Pendaftaran VEP melalui laman web di <https://vep.jpj.gov.my> adalah wajib bagi semua kenderaan asing yang ingin memasuki Malaysia.*

**What happens if i do not register for VEP?**

*It is mandatory for all vehicles entering Malaysia to be registered online via RTD's official website at <https://vep.jpj.gov.my>*

**15. Berapa lama kenderaan saya boleh berada di Malaysia?**

*Kenderaan asing boleh berada di Malaysia selama tidak melebihi 90 hari.*

**How long can my vehicle stay in Malaysia?**

*Not more than 90 days*

**16. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya terlupa alamat e-mel saya atau tidak lagi menggunakan alamat e-mel?**

*Sila emelkan kepada [aduanvep@jpj.gov.my](mailto:aduanvep@jpj.gov.my) atau hubungi pusat khidmat panggilan kami di +603-79412888 untuk bantuan selanjutnya.*

**What should I do if I have forgotten my email address or no longer using the email address?**

*Kindly send the request to us at [aduanvep@jpj.gov.my](mailto:aduanvep@jpj.gov.my) or call us at +603-79412888 and we will assist you accordingly.*

**17. Bagaimakah saya dapat membatalkan pendaftaran tag VEP RFID jika tidak lagi menggunakan kenderaan tersebut?**

*Sila emelkan kepada [aduanvep@jpj.gov.my](mailto:aduanvep@jpj.gov.my) untuk permohonan penyahaktifan tag bagi bantuan dan nasihat selanjutnya.*

**How can I deregister my VEP RFID tag when I don't own the vehicle any longer?**

*Kindly send the request to us at [aduanvep@jpj.gov.my](mailto:aduanvep@jpj.gov.my) or call us at +603-79412888 and we will assist you accordingly.*

- 18. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya pendaftaraan VEP diatas pemilik yang baru gagal dilakukan ?**

*Sila emelkan kepada [aduanvep@jpj.gov.my](mailto:aduanvep@jpj.gov.my) bersama dokumen sokongan untuk bantuan dan nasihat selanjutnya.*

**What should I do if previous vehicle owner have registered VEP for the said vehicle?**

*Kindly send email to us at [aduanvep@jpj.gov.my](mailto:aduanvep@jpj.gov.my) with supporting documents and we will assist you accordingly.*